

prihatin

BERITA SPANCO

sentiasa bersama mu

JILID 1
10

JAN - APR



5

SPANCO
URUS FLEET,
SERVIS DAN PEMBAIKAN



7

PSW BATU CAVES MENANG
ANUGERAH WAKIL SERVIS
TERBAIK 2009/2010



16

PENGAMBILAN KERETA BARU:
HANYA PEGAWAI BOLEH
TANDATANGAN AOD

8 Tip Penjagaan Tayar Untuk Pemanduan Selamat Dan Selesa

Pelanggan Nikmati Perlindungan Penuh

Pelanggan SPANCO dilindungi sepenuhnya melalui:



■ INSURANS

Insurans perlindungan komprehensif termasuk pemandu (yang dilantik Kementerian/Jabatan) dan empat penumpang.



■ PUSAT SERVIS DIIKTIRAF

Lebih 180 rangkaian Pusat Servis Diiktiraf di seluruh Malaysia disediakan sebagai khidmat sokongan.



■ PEMBAIKAN DAN SENGARAAN

Dengan kos pembaikan dan senggaraan yang tetap, semua kerja servis dan pembaikan yang dilakukan di Pusat Servis Wilayah dan Pusat Servis Diiktiraf SPANCO tidak dikenakan sebarang bayaran tambahan.



■ PROGRAM PENGGANTIAN

Kesemua kereta konsesi diganti melalui program penggantian apabila tempoh pajakan 4-5 tahun yang ditetapkan berakhir.



■ PERKHIDMATAN BANTUAN SERVIS KEROSAKAN

Pelanggan yang mengalami kerosakan kenderaan boleh mendapatkan khidmat bantuan servis kerosakan, termasuk khidmat tunda yang disediakan oleh SPANCO melalui rangkaian pusat servis.



■ KERETA IHSAN/GANTIAN

Khidmat kereta gantian dibekalkan kepada kereta-kereta rasmi bagi kerja servis atau pembaikan yang melebihi 24 jam bekerja.



■ TALIAN BEBAS TOL

1-800-88-6999

Pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan untuk mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat pada bila-bila masa.



■ PERKHIDMATAN 24 JAM

Pusat panggilan beroperasi 24 jam.



Pelanggan disarankan untuk memanfaatkan sepenuhnya segala kemudahan yang disediakan.

Menarik keluaran ini

Jilid 1 | 2010 Januari - April

prihatin
sentiasa bersama mu



PERUTUSAN

- 04** Cabaran 2010:
PSD Pertingkatkan Kemudahan,
Kecekapan, Prosedur

KORPORAT

- 05** SPANCO Urus Fleet,
Servis dan Pembaikan
06 1-800-88-6999 Percuma Untuk
Semua Jenis Pertanyaan, Urusan
07 PSW Batu Caves menang Anugerah
Wakil Servis Terbaik 2009/2010

KESELAMATAN

- 08** Yang Harus Anda Lakukan Jika
Berlaku Kemalangan: Maklumkan,
Lakukan dan Serahkan 5 Perkara
10 Terbabas, Kena Langgar Antara
Punca Kemalangan

KHABAR PRIHATIN

- 11** SPANCO Komited,
Sentiasa Bersama Pelanggan

FOKUS

- 16** Pengambilan Kereta Baru: Hanya
Pegawai Boleh Tandatangan AOD
17 Pemulangan Kereta Lama
18 ASC e-approval Percepat Lagi
Khidmat Pelanggan di PSD
19 Semakan Rekod, Kelulusan Lebih
Pantas – Pengguna

PENJAGAAN KERETA

- 20** 8 Tip Penjagaan Tayar Untuk
Pemanduan Selamat dan Selesa
22 Lapik Brek Murah Boleh Membunuh



PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Mubarak Ali Gulam Rasul
Peter Lim
Zulkifli Abd. Aziz
Rusman Bassri

PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)
No. 2, Jalan Perusahaan 2
Kawasan Perusahaan Batu Caves
68100 Batu Caves.
Tel : 03-6192 8888 Faks : 03-6192 8999
emel : prihatin@spanco.com.my
web : www.spanco.com.my

PENCETAK

Percetakan Lai Sdn Bhd
No. 1, Persiaran 2/118C
Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak
Cheras, 56000 Kuala Lumpur.
Tel : 03-9173 1111 Faks : 03-9173 1969

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

Sila hantar komen, pandangan atau sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

Cabaran 2010: PSD Pertingkatkan Kemudahan, Kecekapan, Prosedur

Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia.

TAHUN 2010 menyaksikan program penggantian secara besar-besaran membabitkan 2,800 unit kereta dalam fleet Kerajaan Persekutuan di bawah seliaan SPANCO. Bagi memastikan program penggantian itu berjalan lancar, Pengurusan Fleet Profesional melakukan perancangan teliti terutama dari segi logistik dan persiapan. Ini turut menuntut SPANCO menjalin kerjasama lebih bersepadu dengan pembekal kenderaan khususnya Proton Edar dan EON bagi menjamin keperluan mampu dipenuhi.

Dengan saiz fleet tahun ini mencecah lebih 9,000 unit, ia adalah peningkatan jumlah kereta sebanyak 100 peratus berbanding 2005. Semua perkembangan ini mendorong Pusat Servis Wilayah (PSW) di Batu Caves dan Bangi serta Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh negara mempertingkatkan lagi fasiliti dan kecekapan selain menyelaraskan prosedur untuk memenuhi permintaan servis oleh pelanggan.

Seiring pertambahan jumlah kenderaan turut menyaksikan sistem teknologi maklumat (IT) SPANCO dipertingkatkan bagi menguruskan fleet dengan lebih cekap, pantas dan berkesan. Contoh, ASC e-approval adalah antara kemudahan IT yang dibangunkan untuk membolehkan PSD mendapatkan kelulusan dengan lebih cepat sekali gus tugas membaikpulih atau menyenggara kenderaan pelanggan boleh dilakukan serta-merta.



Semua perkembangan ini mendorong Pusat Servis Wilayah (PSW) di Batu Caves dan Bangi serta Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh negara mempertingkatkan lagi fasiliti dan kecekapan selain menyelaraskan prosedur untuk memenuhi permintaan servis oleh pelanggan.

Pelanggan sentiasa diutamakan. Justeru, di samping layanan mesra yang diterima, pelanggan pastinya merasa gembira dan berpuas hati apabila kereta mereka diservis atau dibaikpulih mengikut kualiti serta spesifikasi ditetapkan pada kadar yang pantas.

SPANCO juga akan terus melabur dalam program latihan dan pembangunan sumber manusia demi mempertingkatkan kemahiran kakitangan kami terutama di bahagian teknikal selain memastikan PSD turut memenuhi dan menepati keperluan yang serupa.

Semua langkah ini diambil selaras komitmen SPANCO memastikan 98 peratus daripada kenderaan dalam fleet kami sentiasa dalam keadaan boleh digunakan pada satu-satu masa.

Selain itu, tahun 2010 dijangka menyaksikan pengenalan model baru Proton Waja serta pemberhentian pengeluaran model Proton Perdana dan pasukan pengurusan SPANCO ada perancangan khusus mengenainya.

Akhir sekali, peningkatan kos turut memberi cabaran kepada SPANCO untuk menyusun operasinya supaya lebih ekonomik tanpa menjejaskan kualiti senggaraan dan baikpulih kereta pelanggan sebaliknya tahap perkhidmatan, kecekapan dan komitmen dipertingkatkan.

Dato' Hamzah Mohd Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif





Di samping servis berjadual, servis cegahan merupakan skop penting perkhidmatan SPANCO di mana aspek-aspek pencegahan dilakukan seperti menukar komponen sebelum ia rosak.

SPANCO Urus Fleet, Servis dan Pembaikan

PAKEJ perkhidmatan yang lengkap, demikian dilakukan oleh SPANCO Sdn Bhd selaku pembekal bebas penyelesaian pengurusan fleet bersepadu terbesar di Malaysia.

SPANCO membekalkan khidmat penyelesaian pengurusan fleet kepada 37 kementerian serta agensinya di seluruh negara dengan fleet melebihi 9,000 unit kenderaan.

Skop perkhidmatan SPANCO kepada pelanggan merangkumi dua bidang.

- 1) Pembekalan dan pengurusan fleet.
- 2) Servis dan pembaikan.

Secara lebih terperinci, skop perkhidmatan Pengurusan Fleet Profesional adalah seperti berikut:

Pembekalan dan Pengurusan Fleet

- Pembelian kenderaan.
- Khidmat nasihat komposisi fleet dan keperluan servis.
- Perkhidmatan insurans dan cukai jalan.
- Pelesenan (LPKP, PUSPAKOM dan sebagainya).
- Pelupusan kenderaan.

- Pengurusan kemalangan dan saman (termasuk litigasi).
- Taklimat dan latihan pemandu.
- Laporan penggunaan kenderaan dan laporan pengurusan.

Servis dan Pembaikan

- Servis berjadual.
- Penyenggaraan cegahan.
- Pusat Panggilan 24 jam bagi kerosakan **1-800-88-6999**.
- Pembaikan kerosakan/kemalangan.
- Perkhidmatan pembaikan/tunda 24 jam.
- Peruntukan kereta ganti (SPC).
- Klinik servis dan audit.

Selain dua bidang utama itu, SPANCO menyediakan khidmat nilai tambah khusus untuk memberi lebih keselesaan kepada pelanggan.

Kami akan sentiasa terus menyemak semula sistem, prosedur dan teknologi ke arah mempertingkatkan lagi perkhidmatan secara berterusan.



SPANCO membekalkan khidmat penyelesaian pengurusan fleet kepada 37 kementerian serta agensinya di seluruh negara dengan fleet melebihi 9,000 unit kenderaan.



1-800-88-6999

Percuma Untuk Semua Jenis Pertanyaan, Urusan

RAMAI tidak tahu talian bebas tol 1-800-88-6999 sebenarnya boleh dihubungi untuk pelbagai pertanyaan atau mendapatkan perkhidmatan SPANCO. Ini kerana sebaik saja pelanggan mendail nombor itu, mereka akan disambungkan terus ke Pusat Panggilan SPANCO yang kemudian menyalurkan panggilan ke jabatan berkaitan.

Justeru, talian itu tidak hanya terbatas kepada panggilan kecemasan malah untuk segala keperluan berkaitan perkhidmatan pengurusan fleet profesional kami.

Anda boleh menelefon nombor itu untuk:

- Mengetahui sama ada kereta sudah siap dibaiki atau diservis.
- Mendapatkan temu janji servis seterusnya.
- Memohon mendapatkan kit penjagaan kereta.
- Membuat aduan.
- Memberi maklumbalas tentang perkhidmatan SPANCO.

Sekiranya pelanggan tidak berpuas hati dengan perkhidmatan PSD atau terdapat percanggahan berkenaan servis yang diberikan, hubungi 1-800-88-6999 dengan segera.

Pentingnya menelefon 1-800-88-6999

Jika mengalami kemalangan atau kerosakan di tengah perjalanan, pelanggan perlu menghubungi SPANCO untuk mendapatkan bantuan. Jika tidak, tuntutan pembayaran semula daripada pelanggan tidak akan dilayan SPANCO. Ini termasuk tuntutan bagi kerja pembaikan dan servis yang dilakukan sendiri. Tuntutan itu seperti bayaran khidmat menunda oleh ejen yang tidak diiktiraf SPANCO, pembelian bateri bagi menggantikan bateri yang habis kuasa atau tayar bagi menggantikan tayar yang rosak, pecah atau haus.

Talian bebas tol

1-800-88-6999 adalah:

- Percuma.
- Untuk semua pertanyaan dan urusan kecemasan.
- Meliputi seluruh Malaysia.
- Boleh dihubungi 24 jam sepanjang tahun.
- Dikendalikan kakitangan profesional di Pusat Panggilan.
- Disokong lebih 180 Pusat Servis Diiktiraf di seluruh negara.

Talian bebas tol mesti dihubungi jika berlaku:

- Kemalangan (sama ada sendiri atau membabitkan pihak ketiga)
- Kerosakan (akibat bateri gagal berfungsi, tayar rosak atau sebagainya).



Sekiranya pelanggan tidak berpuas hati dengan perkhidmatan PSD atau terdapat percanggahan berkenaan servis yang diberikan, hubungi 1-800-88-6999 dengan segera.

PSW Batu Caves Menang Anugerah Wakil Servis Terbaik 2009/2010

PUSAT Servis Wilayah (PSW) Batu Caves memenangi tempat pertama Anugerah Prestasi Wakil Servis Terbaik 2009/2010 Bagi Wilayah Tengah.

Anugerah itu diberi kepada wakil servis sah Proton Edar yang mencatatkan jualan alat ganti tertinggi bagi tempoh itu.

Anugerah berprestij daripada pengeluar kenderaan nasional itu diadakan sejak 2007 dan ini adalah kali ke-3 ia dianjurkan.

Kemenangan PSW Batu Caves berdasarkan prestasi yang amat memberangsangkan apabila mencatat jualan alat ganti dan minyak pelincir terbanyak di dalam rangkaian servis Proton Edar bagi Wilayah Tengah antara April 2009 dan Mac 2010.

Ketua, Operasi Wakil-Wakil Servis Proton Edar Sdn Bhd, **Mohamad Aswan Abdullah**, berkata berdasarkan pengalaman memantau servis lepas jualan, jualan alat ganti yang tinggi bagi sesebuah pusat servis lazimnya mencerminkan pengurusan yang cekap dan perkhidmatan mesra pelanggan selain mempunyai kemudahan lengkap serta sempurna.

Aswan bertanggungjawab menguruskan rangkaian wakil servis bagi seluruh Malaysia. Terdapat 231 wakil servis sah Proton Edar ketika ini yang menyediakan khidmat selepas jualan.

Rangkaian wakil servis sah itu dibahagikan kepada lima wilayah iaitu Wilayah Tengah, Wilayah Utara, Wilayah Selatan, Wilayah Pantai Timur dan Wilayah Malaysia Timur.

Tiga wakil servis terbaik dari setiap wilayah dipilih untuk bertanding di peringkat kebangsaan untuk mencari pusat servis terbaik. PSW Batu Caves adalah juara bagi Wilayah Tengah pada Konvensyen Rangkaian Proton 2010.

Beliau berkata, anugerah itu diwujudkan bagi menghargai sumbangan pusat servis di seluruh negara dalam menyediakan khidmat lepas jualan selain sebagai pembakar semangat mereka membina hubungan pelanggan yang lebih erat dalam mengukuhkan lagi jenama Proton.

Menurut Ketua, Operasi Servis Wilayah, Wilayah Tengah 2, **Mohd Fadzlan Naim**, Proton Edar sentiasa memantau prestasi wakil servis mereka.

Selain memantau jualan alat ganti, Proton Edar melakukan audit membabitkan empat perkara yang dipanggil '4M Audit' iaitu tenaga kerja (manpower), kaedah (method), bahan (material) dan peralatan (machinery).

"PSW Batu Caves menepati keempat-empat kriteria ini dengan cemerlang," katanya.

PSW Batu Caves merupakan salah sebuah daripada 89 wakil servis sah Proton Edar di bawah pemantauan beliau.

Selain memantau, Fadzlan berkata, Proton Edar juga membantu wakil servisnya dari segi operasi dan teknikal.

Pengurusan SPANCO turut merakamkan tahniah kepada rakan niaga terutama Proton Edar di atas sokongan mereka dan kerana menjadikan pencapaian ini satu kenyataan.



Mohamad Aswan Abdullah
Ketua, Operasi Wakil-Wakil Servis, Proton Edar Sdn Bhd.



Mohd Fadzlan Naim
Ketua, Operasi Servis Wilayah, Wilayah Tengah 2.



Kemenangan PSW Batu Caves berdasarkan prestasi yang amat memberangsangkan apabila mencatat jualan alat ganti dan minyak pelincir terbanyak di dalam rangkaian servis Proton Edar bagi Wilayah Tengah antara April 2009 dan Mac 2010.



Dalam apa jua situasi kemalangan, anda jangan sekali-kali membuat sebarang pengakuan liabiliti kepada pihak yang terbabit kecuali polis dan SPANCO, atau membenarkan kereta ditunda oleh syarikat yang tidak diiktiraf SPANCO.

Yang Harus Anda Lakukan Jika Berlaku Kemalangan: **Maklumkan, Lakukan dan Serahkan** **5 Perkara**

KEMALANGAN memang tidak diduga. Bak kata orang 'malang tidak berbau'. Justeru, kita mesti sentiasa waspada dan berhati-hati ketika memandu untuk menghindarkannya.

Sebagai pengguna atau pemandu kenderaan SPANCO, anda mesti tahu langkah perlu diambil jika mengalami kemalangan. Ikuti panduan berikut yang dipetik daripada buku kecil Panduan Penggunaan Kereta Rasmi dikeluarkan Kementerian Kewangan.

Panduan berdasarkan pekeliling Perbendaharaan ini mesti dipatuhi setiap pengguna atau pemandu.

Tanggungjawab sebagai penjawat awam

Apabila berlaku kemalangan, anda (pengguna atau pemandu) perlu melaporkannya kepada SPANCO melalui talian bebas tol **1-800-88-6999** secepat

mungkin dengan mengemukakan butiran berikut:

- 1 Nama anda.
- 2 Nombor pendaftaran kereta.
- 3 Nombor telefon untuk dihubungi
- 4 Lokasi kereta.
- 5 Masalah kereta.

Anda dinasihatkan supaya:

- 1 Bertukar-tukar maklumat dengan pihak terbabit seperti nama, alamat, butiran kenderaan dan nama syarikat insurans.
- 2 Mencatat nama dan alamat saksi atau nama anggota polis dan balai polis.
- 3 Mencatat waktu, tarikh, lokasi, keadaan cuaca dan jalan raya.
- 4 Menggunakan borang disediakan dalam buku kecil 'Panduan Perkhidmatan & Pusat-pusat Servis SPANCO' bagi mencatat maklumat diperlukan.

- 5 Tidak sekali-kali membuat sebarang pengakuan liabiliti.

Anda dikehendaki menunggu bantuan daripada SPANCO yang akan menghantar kakitangan atau wakilnya untuk membawa kereta terbabit dalam kemalangan ke Pusat Servis Diiktiraf (PSD). Jika penundaan diperlukan, kereta hanya ditunda ke PSW, PSD atau ke balai polis terdekat.

Laporan mengenai kemalangan kepada polis perlu dibuat dalam tempoh 24 jam. Butiran dalam Laporan Polis hendaklah selaras dengan hal kerosakan





Kereta SPANCO yang mengalami kerosakan teruk akibat kemalangan, hanya akan ditunda ke Pusat Servis Wilayah atau Pusat Servis Diiktiraf atau ke balai polis terdekat.



Buku panduan kecil ini menerangkan tatacara menghadapi kemalangan selain prosedur-prosedur lain semasa menggunakan kenderaan SPANCO.

kenderaan. (Rujukan: Pekeliling Perbendaharaan 13/93 – Lampiran I, Peranan Pengguna No. 7)

Anda mesti mengemukakan dengan segera (sebaik-baiknya dalam masa dua hari bekerja) dokumen berikut kepada SPANCO:

- 1 Borang Notis Tuntutan Kemalangan dikeluarkan SPANCO (diuruskan Pegawai Liasion Kenderaan jabatan anda).
- 2 Borang Laporan Kemalangan Kenderaan Bermotor dikeluarkan syarikat insurans (diuruskan Pegawai Liasion Kenderaan jabatan anda).
- 3 Satu salinan laporan polis yang sah.
- 4 Salinan kad pengenalan anda.
- 5 Salinan lesen memandu anda.

Jika keadaan kereta terlalu teruk atau tidak boleh dibaiki (constructive total loss) dan setelah

mendapat pengesahan insurans, SPANCO akan memaklumkan kepada Perbendaharaan untuk menamatkan pajakan kereta itu. Permohonan gantian kereta rasmi akan dilakukan jabatan anda. (Rujukan: Perjanjian Konsesi – perenggan 18.4).

Jika kemalangan tidak dilaporkan, dikhuatiri anda akan

dipertanggungjawabkan terhadap semua kos yang terbabit akibat kemalangan berkenaan.

Di samping itu, dalam apa jua situasi, anda jangan sekali-kali:

- 1 Membuat kenyataan kepada pihak ketiga melainkan polis.
- 2 Menandatangani sebarang dokumen selain laporan polis;
- 3 Membenarkan kereta ditunda syarikat yang tidak diiktiraf SPANCO.
- 4 Menyelesaikan kes secara sendiri tanpa pembabit SPANCO kerana dikhuatiri mengakibatkan masalah lain.
- 5 Membaiki sendiri kereta itu.

Pengurusan Fleet Profesional SPANCO tidak akan melayan sebarang tuntutan kemalangan jika pengguna ataupun pemandu tidak mematuhi prosedur ditetapkan.



Panduan berdasarkan pekeling Perbendaharaan ini mesti dipatuhi setiap pengguna atau pemandu.

Tindakan anda di lokasi kemalangan:

- Segera berhentikan kenderaan.
- Lindungi mangsa yang cedera.
- Pastikan keadaan selamat.
- Patuhi arahan polis.
- Dapatkan butiran penting pihak terbabit seperti nama, alamat, nombor telefon, insurans, nombor dan model kereta.
- Catatkan nama jalan lokasi kejadian.
- Catatkan nama dan alamat saksi jika ada.
- Hubungi **1-800-88-6999** untuk bantuan dan khidmat nasihat SPANCO.

Terbabas, Kena Langgar

Antara Punca Kemalangan



Dihimpit kenderaan lain yang terbabas.

HILANG kawalan sehingga mengakibatkan kereta terbabas adalah antara punca utama kemalangan dialami kenderaan SPANCO sepanjang 2009 dan awal 2010.

Antara kemalangan yang berlaku adalah:

- KM 209.9 Lebuhraya Pantai Timur (LPT) pada 22 Jun 2009 – tayar kereta yang dipandu pecah mengakibatkan kenderaan terbabas lalu melanggar pembahagi jalan.
- Di Sri Damansara pada 24 Julai 2009 – kereta melanggar pokok dan pemandu meninggal dunia.
- KM 109 Jalan Terengganu ke Kuantan, 12 November 2009 – kereta dilanggar kenderaan lain mengakibatkan terbabas dan melanggar tembok lalu masuk longkang.



Melanggar pokok mengakibatkan pemandu maut.

- KM 234.7 Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS), 17 Disember 2009 – kereta dilanggar dari belakang oleh dua kenderaan lain.
- Bukit Persekutuan, 26 Disember 2009 – kereta dihimpit kereta lain yang terbabas.
- KM 142 PLUS, 10 Januari 2010 – mengelak kenderaan lain yang tiba-tiba mengubah laluan lalu terbabas dan berpusing.



Cuba mengelak kenderaan yang tiba-tiba mengubah laluan.

- KM 344 PLUS, 11 Januari 2010 – cuba mengelak dan melanggar lori yang tiba-tiba mengubah laluan di hadapan.
- KM 166.20 LPT, 20 Januari 2010 – melanggar belakang lori yang secara tiba-tiba mengubah laluan di lebuhraya.



Tayar pecah lalu terbabas.

Tidak kira sama ada kereta SPANCO sendiri yang terbabas atau dilanggar kenderaan lain, kemalangan seperti ini kerap membawa padah sehingga boleh meragut nyawa. Justeru, pelanggan SPANCO disaran memberi

sepenuh tumpuan ketika memandu dan jangan sekali-kali lalai atau cuai. Kelalaian walaupun sesaat boleh membawa kesengsaraan seumur hidup atau mengakibatkan seseorang kehilangan nyawa. Setiap kereta memerlukan kemahiran pemandu untuk mengendalikannya dengan selamat.

Saiz fleet terus bertambah

Dalam pada itu, saiz fleet Kerajaan Persekutuan yang diselia Pengurusan Fleet Profesional terus mencatatkan angka peningkatan dari 8,702 unit pada 2008 kepada 9,153 unit tahun lalu.



Kelalaian walaupun sesaat boleh membawa kesengsaraan seumur hidup atau mengakibatkan seseorang kehilangan nyawa.

SPANCO Komited, Sentiasa Bersama Pelanggan

Pengurusan Fleet Profesional telah mengadakan beberapa siri taklimat dan program lawatan kerja sambil bertemu pelanggan dalam usaha mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan di samping mendapatkan maklumbalas terhadap servis yang disediakan.

Taklimat Fleet On Line di **KDN**



Kakitangan Kementerian Dalam Negeri (KDN) melihat persembahan slaid yang disediakan oleh SPANCO semasa taklimat di ibu pejabat KDN di Putrajaya pada 18 Mac 2010.



Taklimat dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian (SUB IT) Dato' Haji Mohamed Rosli Saad.



Kakitangan KDN yang hadir mendengar taklimat bagi mempertingkatkan lagi sistem pemantauan dan penyenggaraan fleet KDN.



Mubarak memberi penjelasan mendalam tentang kemudahan Fleet On Line dalam mengawal selia fleet KDN.

Penyerahan Kereta Gantian di **Sarawak**



Pakar Perunding Epidemiologi Pejabat Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak, Dr. Andrew Kiyu Dawie Usop menandatangani dokumen penyerahan kereta sambil disaksikan oleh Penolong Pegawai Tadbir, Puan Maria Resen Mijong bagi pihak Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak.



Dr. Andrew Kiyu Dawie Usop menerima kunci kereta rasmi daripada Pengurus Cawangan Sarawak, Azmi Yusuff pada 8 April 2010.

Taklimat Fleet On Line untuk **PDRM**



Sebahagian dari pegawai PDRM dari Bahagian Logistik yang hadir semasa Taklimat Fleet On Line di Pulau Pinang dari 11 hingga 14 Ogos 2009.



Penolong Pengarah Logistik PDRM, Dato' Azri Ahmad berbincang sesuatu dengan Pengurus Khidmat Pelanggan, Suradi Sulaiman.



Pegawai-pegawai kanan Logistik PDRM bergambar bersama Suradi sebelum taklimat bermula.



Sebahagian lagi pegawai-pegawai PDRM yang turut serta mengambil bahagian bagi mempertingkatkan lagi pengetahuan mereka tentang pengurusan fleet.

Perbincangan Dengan **Logistik PDRM**



Bahagian Logistik PDRM mengadakan perbincangan dengan SPANCO pada 6 April 2010 bagi menyelesaikan beberapa permasalahan dalam mempertingkatkan lagi keberkesanan fleet.



Penolong Pengarah Logistik PDRM, Dato' Azri Ahmad mempengerusikan mesyuarat yang dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Logistik PDRM.



Dato' Azri dan Ketua Pegawai Eksekutif SPANCO, Dato' Hamzah Mohd Salleh berbual sebelum perbincangan disambung.



SPANCO diwakili oleh (kiri ke kanan): Habsah Md Taib, Suradi Sulaiman, Zulkifli Abd. Aziz, Peter Lim dan Mubarak Ali Gulam Rasul.

Lawatan Kerja ke Hospital Melaka



Perbincangan meja bulat antara SPANCO dan pegawai-pegawai perubatan Hospital Melaka berlangsung dengan lancar pada 26 Mac 2010.



Pakar Perubatan Hospital Melaka, Datuk Dr. Jaswant Singh (kanan) tersenyum gembira menerima kunci kereta rasmi baru yang disampaikan oleh Pengurus Besar Komersil, Mubarak Ali Gulam Rasul.



Pakar Radiologi Hospital Melaka, Dr. Siti Fatimah Abbas turut menerima sebuah buku kecil Panduan Penggunaan Kereta Rasmi bersama kunci kereta yang disampaikan oleh Eksekutif Akaun, Ahmad Zuhri Ikmal Ahmad Zahar.

DSK PDRM Kunjungi PSW Batu Caves



Pelawat dibawa melihat barisan fleet kenderaan yang disenggara di Pusat Servis Wilayah Batu Caves (PSW Batu Caves) semasa lawatan mereka pada 23 Februari 2010.



Berbincang untuk bertukar-tukar maklumat dan idea antara Depot Servis Kenderaan, Polis DiRaja Malaysia (DSK PDRM) dengan pengurusan SPANCO.



Md Latif memberi penerangan tentang pengurusan woksyp di PSW Batu Caves.



Pelawat dari DSK PDRM mendengar penuh minat penjelasan Eksekutif Alat Ganti, Syed Riaz Syed Nabi tentang pengurusan alat ganti untuk pelbagai model Proton.



Pengerusi majlis, Major Hadi menyampaikan ucapan pembukaan sebelum Taklimat Pengurusan Fleet bermula.



Turut dijemput ialah dua pegawai EON Sri Manjung iaitu Pengurus Cawangan, Ramzi Abdullah (kiri) dan Pengurus Khidmat Lepas Jualan, M. Muniandy.



Seorang pegawai Tentera Laut mengemukakan soalan berkenaan servis yang disediakan oleh pihak SPANCO semasa sesi soal jawab.



Pegawai dan kakitangan dari Markas Tentera Laut Lumut serius mendengar taklimat SPANCO yang berlangsung pada 5 Mac 2010.



Dari kiri ke kanan: Suradi Sulaiman memperkenalkan Pegawai Logistik MTL Lumut, Lt. Kdr. Manjit Singh kepada Pengurus Besar Komersil, Mubarak Ali Gulam Rasul dan Pengurus Besar Servis, Peter Lim.



Lt. Kdr. Manjit Singh dan Pegawai Logistik MTL Pulau Pinang, Lt. Kdr. Arjit Singh (barisan hadapan), enam dari kiri) bergambar bersama pegawai-pegawai MTL Lumut dan SPANCO.

Hospital Angkatan Tentera **Lumut**



Dari bawah kiri (arah jam): Brigd. Jeneral Dato' (Dr.) Samiran Sarijon, Brigd. Jeneral (Dr.) Roshidah Ishak (terselindung), Mubarak Ali Gulam Rasul, Brigd. Jeneral Dr. Zulkafly Rahman, Suradi Sulaiman, Brigd. Jeneral Dato' Dr. Zainal Azim Abd. Kadir dan Peter Lim (membelakangi kamera).



Pakar Bius Hospital Angkatan Tentera Lumut, Brigd. Jeneral Dr. Jegathiesan Singaravelu mendengar penerangan Mubarak semasa makan malam pada 4 Mac 2010.

Taklimat di **Jabatan Kesihatan Johor**



Mendengar penjelasan Suradi Sulaiman tentang pentingnya mengisi borang tuntutan kemalangan. Taklimat Pengurusan Fleet adalah antara program yang diselitikan di dalam Kursus Pemandu Cemerlang Berwawasan anjuran Jabatan Kesihatan Johor di Pasir Gudang pada 19 April 2010.



Peserta memberikan sepenuh tumpuan kepada taklimat yang disampaikan oleh pegawai-pegawai SPANCO.



Antara sebilangan lagi kakitangan Jabatan Kesihatan Johor yang menghadiri program pada hari itu.

Taklimat di MTL **KD Sultan Ismail**



Lawatan kerja dua pegawai pengurusan kanan SPANCO, Mubarak Ali Gulam Rasul dan Peter Lim ke Markas Tentera Laut (MTL) KD Sultan Ismail pada 20 April 2010 disambut oleh Pegawai Memerintah KDSI, Kept. Musa Md Yusuf.



Taklimat kepada pegawai-pegawai Pengangkutan MTL KD Sultan Ismail adalah antara usaha berterusan dalam mempertingkatkan lagi perkhidmatan dan mengukuhkan kerjasama antara SPANCO dan pelanggan.



Peserta dan barisan pengurusan dari Ibu pejabat SPANCO bergambar bersama-sama di dalam dewan taklimat MTL KDSI di Pengerang, Johor.




Beberapa pegawai Tentera Laut mendengar penerangan Mubarak berkenaan perkhidmatan pengurusan fleet profesional yang disediakan oleh SPANCO.



Berbual sambil menjamu hidangan tengah hari. Dari kiri (arah jam): Pegawai Laksamana Kdr. Muhammad Nur Gagarin, Suradi Sulaiman, Peter Lim, Lt. Kdr. Mohd Suhaimi, Mubarak Ali Gulam Rasul dan Azahari Md Lazim.

Pengambilan Kereta Baru: Hanya Pegawai Boleh Tandatangan AOD



Kereta baru sebaiknya diambil sendiri oleh pengguna rasmi yang akan menggunakannya atau pegawai yang bertanggungjawab ke atas kenderaan itu dengan membawa bersama cop jabatan dan jawatan.

KELEWATAN dalam proses menyerahkan kereta baru adalah disebabkan tindakan sesetengah jabatan cuma menghantar pemandu untuk mengambil kenderaan baru itu dari SPANCO, demikian dijelaskan Pengurus Pentadbiran Fleet, Zulkifli Abd. Aziz.

“Apabila sesebuah jabatan menerima kereta baru daripada SPANCO, hanya pegawai yang boleh menandatangani borang akuan maklumat penghantaran (AOD) dengan disaksikan oleh seorang saksi,” katanya sambil memberitahu pegawai itu juga perlu membawa cop jabatan dan cop jawatan serta seorang saksi lazimnya bakal pemandu kereta.

Beliau berkata, tindakan itu perlu bagi membolehkan pengguna rasmi kereta atau pegawai bertanggungjawab memastikan kenderaan yang diterima dan segala aksesori di dalamnya, berada dalam keadaan baik.

Kehadiran pegawai berkenaan turut melicinkan urusan seterusnya oleh pihak jabatan seperti membekalkan buku log dan kad petrol kepada pemandu.

“Tanpa kehadiran pegawai berkaitan untuk menandatangani borang AOD, ini boleh menyebabkan

kelewatan kerana penyerahan kereta tidak dapat dilakukan,” kata beliau yang menyandang jawatan Pengurus Pentadbiran Fleet sejak 2007.

Bagi 2010, pembekalan kereta baru menggantikan kereta lama dilakukan di Cawangan EON di bandar utama seluruh negara. Langkah itu untuk memudahkan pelanggan mengambil kereta baru masing-masing. Sebelum ini mereka perlu pergi ke ibu pejabat SPANCO atau EON untuk tujuan itu.



Tanpa kehadiran pegawai berkaitan untuk menandatangani borang AOD, ini boleh menyebabkan kelewatan kerana penyerahan kereta tidak dapat dilakukan.

ANDA HARUS TAHU

Pengambilan kereta baru untuk menggantikan kereta lama

Pelanggan perlu melakukan perkara berikut:

- Membawa bersama cop jabatan dan cop jawatan.
- Pegawai perlu hadir untuk menandatangani borang akuan penerimaan atau AOD ketika mengambil kereta baru daripada SPANCO.
- Membawa seorang saksi. Pemandu boleh bertindak sebagai saksi.

Masalah yang kerap berlaku:

- Pihak jabatan cuma menghantar pemandu untuk mengambil kereta baru.
- Jika pemandu saja hadir, penyerahan kereta tidak dapat dilakukan kerana hanya pegawai yang boleh menandatangani AOD.

(Rujukan: Perkara 16, Panduan Penggunaan Kereta Rasmi, dikeluarkan Kementerian Kewangan).

Pemulangan Kereta Lama

Kereta tidak sepatutnya dipulangkan dalam keadaan berikut:



Sebarang kerosakan perlu dibaiki sebelum tamat tempoh pajakan kerana kos pembaikan telahpun dimasukkan ke dalam caj sewa pajak yang dibayar oleh pelanggan.

Berhubung urusan pemulangan kereta yang tamat pajakan kepada SPANCO, peralatan yang tidak lengkap adalah antara masalah yang dihadapi proses berkenaan.

Antara aksesori yang didapati kerap hilang ialah set peralatan tul, pencucuh api rokok dan kit segi tiga keselamatan. Selain itu, ada kereta yang diserahkan semula dengan alat ganti atau aksesori yang telah ditukar iaitu tidak seperti peralatan asal yang dibekalkan SPANCO.

"Masalah ini mungkin dianggap remeh oleh pelanggan tetapi sebenarnya boleh mengganggu kelancaran urusan penyerahan kereta baru bagi program penggantian," katanya.

Justeru, penting bagi pelanggan memulangkan kereta dengan segala peralatan di dalamnya dalam keadaan baik dan seperti yang direkodkan.

Mengikut terma perjanjian, jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan menyewa pajak kereta daripada SPANCO selama empat hingga lima tahun.

Zulkifli menekankan bahawa pelanggan perlu memanfaatkan sepenuhnya tempoh itu dengan menghantar kereta yang digunakan oleh mereka untuk menjalani servis berjadual

supaya sebarang kerosakan dapat dibaiki dengan segera.

Ini dapat mengelakkan keadaan di mana kerosakan hanya dikesan apabila kereta dipulangkan semasa program penggantian berjalan.

Bagi kemalangan yang tidak dimaklumkan, pelanggan dikehendaki membuat laporan polis supaya tuntutan insurans boleh dibuat.

Untuk melicinkan urusan pemulangan dan penerimaan kereta, Zulkifli meminta kerjasama pelanggan supaya mematuhi setiap peraturan yang telah digariskan oleh Perbendaharaan dan SPANCO.

Sebanyak 2,655 unit kereta dalam fleet Kerajaan Persekutuan terbabit di dalam program penggantian sepanjang 2010 manakala 1,416 unit lagi pada 2011.



Panduan mengambil dan memulangkan kenderaan diterangkan dalam buku kecil yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

ANDA HARUS TAHU

Pemulangan kereta lama

Ketika memulangkan kereta yang tamat pajakan, pelanggan perlu memastikan perkara berikut:

- Aksesori yang lengkap iaitu:
 - 1 set peralatan tul
 - 1 jek
 - 2 set kunci dan sistem alat penggera
- Kereta berkeadaan baik.



SISTEM ASC e-approval - cara terkini pengurusan Pusat Servis Diiktiraf (PSD) dari seluruh negara mendapatkan sesuatu kelulusan daripada Ibu Pejabat SPANCO melalui Internet.

Sistem berasaskan web itu dibangunkan secara berperingkat sejak 23 Jun 2008 membabitkan kos kira-kira RM200,000 dan boleh diakses oleh PSD dengan melayari ke web rasmi SPANCO: www.spanco.com.my

Sistem itu bertujuan menambah baik kualiti perkhidmatan SPANCO kepada pelanggan dengan memendekkan tempoh urusan yang diambil PSD untuk menyiapkan dokumen berkaitan servis dan pembaikan. Seluruh proses permohonan kod kerja dibuat secara dalam talian dan status kelulusan dipaparkan serta-merta.

Untuk menyemak rekod penyenggaraan dan pembaikan setiap unit kereta dalam fleet, PSD hanya perlu memasukkan nombor pendaftaran bagi memperoleh maklumat terkini kenderaan berkenaan serta-merta.

Sistem sama juga boleh dirujuk pengusaha pusat servis bebas untuk memperoleh harga alat ganti tulen

ASC e-approval Percepat Lagi Khidmat Pelanggan di PSD

yang sentiasa dikemaskini berdasarkan harga yang diluluskan pengeluar.

Pengurus Kawalan Senggaraan, Azahari Md Lazim, memberitahu PSD yang menggunakan sistem itu tidak dikenakan sebarang caj berbanding syarikat automotif lain yang sesetengahnya mengenakan bayaran sehingga RM5 untuk setiap transaksi.

Berdasarkan amalan sekarang, PSD perlu menghantar inoiv kepada SPANCO melalui pos atau dihantar secara tangan setiap kali selepas kerja servis atau pembaikan dilakukan.

“Bagaimanapun, bagi memudahkan lagi urusan pembayaran kepada PSD, penyerahan inoiv kelak akan dibuat secara dalam talian. Kemudahan bil seumpama itu masih dalam peringkat kajian.

“SPANCO akan terus melabur dalam usaha menambah baik keupayaan sistem ini pada masa depan. Pelaksanaan ASC e-approval juga merupakan bukti dan selaras dengan komitmen SPANCO untuk menguruskan perniagaan dengan lebih berkesan demi kepentingan serta keselesaan pelanggan.”

Bagaimana ASC e-approval memudahkan

Sebelum	Selepas
1. Permohonan dan kelulusan dibuat melalui faks.	Proses dibuat melalui Internet.
2. Kelulusan diberi 15 minit sebaik selepas sebutharga diterima oleh SPANCO.	Kelulusan diberi seawal 5 minit.
3. PSD tidak boleh menyemak sejarah penyenggaraan dan pembaikan kereta.	PSD hanya perlu memasukkan nombor pendaftaran kereta ke dalam sistem untuk mendapatkan maklumat itu.
4. PSD perlu menyimpan dan mengemaskini rekod penyenggaraan serta pembaikan kereta secara manual.	Sistem akan mengemaskini rekod secara automatik.
5. Harga alat ganti dirujuk secara manual.	Nombor dan harga alat ganti boleh dirujuk di dalam sistem yang memaparkan harga yang dikemaskini.
6. Pelanggan mendapatkan semula kereta yang dihantar dalam jangka masa seperti biasa.	Pelanggan mendapatkan semula kereta dengan lebih cepat.



Seluruh proses permohonan kod kerja dibuat secara dalam talian dan status kelulusan dipaparkan serta-merta.

Semakan Rekod, Kelulusan Lebih Pantas – Pengguna

TIDAK lagi perlu salinan fotostat yang banyak ketika berurusan sebaliknya semua mampu diselesaikan di hujung jari pada kadar pantas, kemas serta mudah, demikian pengakuan Penasihat Servis di Klinik Kereta Tampin Sdn Bhd, **Ms. Lee**, berhubung pelaksanaan sistem ASC e-approval oleh SPANCO.

“Ia sistem yang baik terutama sekali dengan adanya nombor rujukan alat ganti berserta senarai harga yang diluluskan pengeluar serta sentiasa dikemaskini. Sebelum ini, kami perlu membuat banyak salinan fotostat untuk faks yang kami terima tetapi dengan e-approval, kami tidak lagi perlu berbuat demikian kerana salinan diperolehi daripada kertas karbon menerusi cetakan komputer,” katanya.

Eksekutif Pentadbiran Teraju Megah Sdn Bhd, **Rohaya Mohd Yusof**, berkata pihaknya menerima purata lima hingga lapan unit kereta SPANCO setiap hari. Justeru, penggunaan sistem ASC e-approval berjaya meringankan

tugasnya menjadi lebih ringkas dan mudah.

“Contoh, saya tidak perlu lagi mencari rekod alat ganti secara manual kerana semuanya kini boleh diperolehi di hujung jari,” katanya sambil mencadangkan



sistem itu turut menggunakan Bahasa Malaysia kerana membabitkan urusan dengan jabatan Kerajaan. Ketua Servis Roadstar

Automobile Enterprise Sdn Bhd, **Muhamad Syahfizzul** (gambar), berkata, sistem itu membolehkan beliau melaksanakan tugas lebih cepat dengan harga alat ganti yang lebih tepat serta sentiasa dikemaskini.

“Penggunaan Internet berbanding faks memang memudahkan urusan antara PSD dengan ibu pejabat SPANCO,” katanya.

Beliau berkata ada ketika SPANCO mengambil sedikit masa untuk memberi kelulusan membabitkan kes yang memerlukan banyak alat ganti yang ditukar namun keseluruhan sistem sekarang adalah lebih baik berbanding dulu.

“Dengan ASC e-approval, tidak ada kes yang tidak dapat diselesaikan,” katanya.



Penggunaan Internet berbanding faks memang memudahkan urusan antara PSD dengan ibu pejabat SPANCO

Pembangunan sistem ASC e-approval

2005

Perancangan mula dilakukan untuk menggantikan sistem sedia ada.

Jun 2008

Sistem ASC e-approval diuji secara berperingkat-peringkat di seluruh negara.

Januari 2009

Bilangan PSD yang menggunakan e-approval mencecah 50 buah.

Mei 2007

SPANCO melancarkan Sistem Pengurusan Fleet Bersepadu T9 di mana ASC e-approval merupakan salah satu modul yang terkandung di dalamnya.

September 2008

e-approval dilancarkan sepenuhnya.

Januari 2010

e-approval digunakan sepenuhnya oleh semua PSD yang merangkumi pusat servis EON, Proton Edar dan pengusaha bebas di seluruh Malaysia.

8

Tip Penjagaan Tayar

Untuk Pemanduan Selamat dan Selesa

1 Tugas besar untuk permukaan kecil

Bahagian pada tayar kereta anda yang menyentuh permukaan jalan sekadar saiz selebar tapak tangan. Keselamatan, keselesaan dan penjimatan petrol bergantung kepada ruang



kecil itu, justeru sangat penting kerana:

- cuma ia yang menghubungkan kereta anda dengan jalan.
- menampung keseluruhan berat kereta yang 50 kali lebih berat daripada tayar itu sendiri.
- memberi kesan kepada daya pemanduan sama ada mengawal stereng, memecut dan membrek.
- menyerap segala halangan dan objek di atas jalan.

Tip: Pastikan anda bukan sahaja memilih tayar yang betul malah sentiasa melakukan senggaraannya bagi memastikan ia berfungsi pada tahap terbaik.

2 Menyukat keselamatan dengan pantas dan mudah




Pastikan sentiasa memeriksa jalur bunga tayar. Ini menjamin jajaran dan cengkaman sekali gus menghindar daripada sebarang kejadian tidak diingini. Keselamatan anda dan penumpang bergantung kepada tahap kedalaman bunga tayar yang bagus kerana:

- bunga membelah air di bawah tayar dan membantu mengekalkan cengkaman.
- semakin banyak bunga tayar anda, semakin banyak anda dapat hindarkan risiko biasan air (aquaplaning).
- tekanan angin tayar yang betul selain penyenggaraan kereta secara berkala memastikan prestasi tayar pada tahap terbaik selama yang boleh.
- tahap cengkaman pada permukaan jalan menentukan jarak anda perlu menekan brek.

Tip: Tukar tayar sebelum penipisan bunga mencecah 1.6 sentimeter. Untuk lebih mudah, kebanyakan tayar dilengkapi penanda penipisan pada jalur utama bagi mengesan tahap itu.

3 Untuk kawalan sempurna, pasang tayar baru pada 'axle' belakang

Tayar belakang tidak dihubungkan kepada roda stereng, maka sukar untuk menentukan cengkamannya ketika memandu. Justeru untuk keselamatan,



pastikan sentiasa memasang tayar yang baru atau setidak-tidaknya yang kurang haus pada gandar (axle) belakang bagi memastikan:

- kawalan lebih baik ketika membrek kecemasan atau melalui selekoh tajam.
- mengurangkan risiko kenderaan

terbabas pada permukaan basah.

- pemanduan yang lebih baik khususnya dalam situasi sukar sama ada bagi pacuan roda depan atau belakang.

Tip: Kerap memeriksa tekanan angin dan keadaan tayar terutama semasa melakukan penggiliran (rotation) kerana sesetengah kenderaan menetapkan tekanan angin berbeza antara tayar depan dan belakang.

4 Lakukan pengimbangan supaya tayar tahan lebih lama



Imbangan yang betul melindungi tayar daripada lupus sebelum tempoh selain menghindari gegaran. Ia turut melindungi sistem suspensi

dan pemanduan selain bearing kereta anda. Adalah penting membetulkan pengimbangan tayar untuk:

- mengagihkan beban kepada keempat-empat tayar secara sama rata.
- melindungi tayar daripada rosak atau haus lebih awal.
- mengurangkan gegaran sekali gus pemanduan anda lebih selesa.

Tip: Sentiasa melakukan pengimbangan tayar belakang dan depan supaya hayat tayar dapat dipanjangkan.

5 Periksa tekanan tayar setiap bulan



Tekanan angin tayar yang betul mengurangkan risiko hilang kawalan. Ia juga melindungi tayar daripada cepat lusuh dan

kerosakan pada bahagian dalam. Tekanan angin boleh berkurangan kerana udara

meresap keluar dan faktor binaan tayar atau cuaca. Justeru, penting memeriksa angin tayar kerana:

- tekanan angin rendah meningkatkan risiko kerosakan tayar.
- kekurangan sehingga 20 peratus tekanan angin dari yang sepatutnya boleh memendekkan hayat tayar sehingga 10,000 kilometer.
- tekanan angin tayar yang sempurna menjimatkan petrol.

Tip: Periksa tekanan tayar termasuk tayar gantian secara bulanan atau sebelum memulakan perjalanan jauh. Lakukan ketika tayar sejuk. Jika tayar panas, tambah tekanan 4 - 5 psi berbanding tahap yang disarankan pengeluar.

6 Penutup injap tayar melindungi anda dan tayar



Jangka hayat injap tayar yang lazimnya diperbuat daripada getah, tertakluk kepada tempoh tertentu sebelum rosak. Pada kelajuan tinggi, rekahan pada injap boleh menyebabkan angin meresap keluar. Justeru, ganti injap setiap kali menukar tayar baru.

Penutup injap juga penting. Ia menghalang angin keluar selain injap dimasuki habuk atau lumpur. Oleh itu, anda perlu memeriksa injap dan penutupnya untuk:

- mengekalkan kekedapan udara.
- memanjangkan hayat tayar.
- memastikan tekanan angin yang betul.

Tip: Tukar injap setiap kali menukar tayar baru. Ia kaedah murah melindungi tayar, kenderaan dan diri anda.

7 Pastikan keselamatan dengan penjajaran tayar yang betul



Tahap penjajaran tayar agak sukar untuk dinilai semasa memandu. Bagaimanapun penjajaran yang tidak betul boleh menjejaskan pengendalian

kenderaan dan keselamatan anda. Justeru penjajaran tayar yang sempurna sangat penting bagi:

- mendapatkan tahap pengendalian kenderaan yang terbaik.
- melindungi tayar daripada kehausan tidak sekata.
- menjimatkan petrol.

Tip: Cara mudah bagi mengetahui jika penjajaran perlu dilakukan ialah dengan memeriksa tayar untuk mengesan tanda-tanda penipisan yang tidak sama rata.

8 Rujuk profesional untuk memperbaiki tayar



Jika rosak, tayar perlu diperiksa oleh pusat servis atau juruteknik tayar yang diiktiraf. Ini sangat penting kerana kerosakan dalaman tidak boleh dilihat

ketika tayar dibuka. Profesional itu akan:

- mengenal pasti sama ada terdapat kerosakan dalaman yang tidak dapat dikesan pada luaran.
- memastikan kaedah dan peralatan yang betul digunakan untuk memperbaiki tayar.
- memastikan tayar dibuka dan dipasangkan semula dengan betul untuk pemanduan yang optimum, selamat dan selesa.

Tip: Untuk diagnosis yang betul dan jaminan keselamatan, dapatkan khidmat profesional.

sumber: Panduan Keselamatan oleh Michelin

Lapik Brek Murah Boleh Membunuh

KUALITI lapik brek yang sangat rendah dikenal pasti menjadi antara punca utama kemalangan dan kemalangan maut membabitkan kebanyakan kenderaan lama di negara ini.

Selepas sekian lama mencari punca kemalangan berkenaan, Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Datuk Suret Singh, dalam laporan yang dipetik daripada NST menyebut, lapik atau pad brek yang dipasang pengusaha bengkel kecil di seluruh negara didapati 'kualitinya adalah yang paling buruk di dunia'.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan pemilik kenderaan membeli lapik brek daripada pengedar alat ganti bertauliah.

"Pemandu boleh pergi ke bengkel (kecil) itu untuk servis kenderaan atau menukar minyak enjin tetapi bukan untuk menukar lapik brek," katanya dalam laporan itu.

Beliau berkata, harga lapik brek seumpama itu mungkin separuh lebih murah daripada yang tulen tetapi jabatan itu mendapati kualitinya buruk terutama apabila membrek kenderaan ketika jalan basah.

Katanya, lapik brek itu dijual oleh pengilang tempatan kepada peniaga

pada harga RM2 dan kemudian dijual kepada pembeli pada harga RM15.

Pada masa sama Datuk Suret memberi dua panduan mudah untuk diamalkan pemandu demi melindungi nyawa mereka dan keluarga.

Pertama, pemanduan mereka sekurang-kurangnya pada jarak enam kenderaan. Kedua, mereka mesti memandu 20 peratus kurang daripada kelajuan biasa.



Lapik atau pad brek yang dipasang pengusaha bengkel kecil di seluruh negara didapati 'kualitinya adalah yang paling buruk di dunia'.

Brek

Brek amat penting untuk keselamatan dan jika tidak berfungsi, boleh membahayakan pemandu, penumpang dan pengguna jalan raya yang lain. Apabila ditekan, brek sepatutnya boleh memberhentikan kenderaan dengan baik tanpa berbunyi atau memesonkan kenderaan.





Untuk Kereta Anda,
 Pusat Servis Wilayah Di Batu Caves,
 Selangor Menggunakan Hanya
 Peralatan Yang Terbaik Dan Menepati
 Piawaian Mutu Tertinggi Yang
 Ditetapkan Oleh SPANCO.



Proton Advance Diagnostic Tool (PADT):

Mengesan, merekod dan membetulkan kerosakan pada sistem elektronik serta menguji komponen penggerak kereta.



Alat penjajaran roda berkomputer:

Untuk pelarasan tepat sistem geometri stereng dengan menggunakan perisian komputer terkini.



Alat pam minyak enjin pneumatik & Pengumpul sisa:

Menyedut keluar minyak enjin yang sudah digunakan terus ke dalam bekas pengumpul sisa minyak. Pembuangan sisa minyak mematuhi piawaian yang ditetapkan Jabatan Alam Sekitar.



Pengecas gas pendingin udara automatik:

Untuk vakum pantas dan cas semula gas pendingin udara.



Dispenser minyak enjin:

Memastikan kebersihan persekitaran melalui penuangan minyak enjin pada sukatan yang tepat tanpa tumpahan.




Sistem Maklumat Pengurusan Fleet Bersepadu:

Melicinkan kerja-kerja senggaraan dan pembaikan. Melalui sistem ini, sejarah kenderaan termasuk kerosakan yang pernah dialami boleh dicapai dalam masa sebenar secara dalam talian.



Merah tanda berhenti.



**Merah Tanda Berhenti.
Anda Mampu Mengubahnya.**